

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8418**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai penuh nama orang yang sedang disiasat, didakwa di bawah Seksyen 124B hingga 124N Kanun Keseksaan; dan tindakan yang telah diambil untuk memastikan tiada penyalahgunaan kuasa dalam penggunaan Seksyen ini atas agenda lain.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bilangan mereka yang disiasat di bawah Seksyen 124B hingga 124N Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang berkaitan dengan menggugat demokrasi berparlimen, sabotaj, espionaj adalah seramai 7 orang yang melibatkan 10 kes manakala 2 orang sahaja yang telah dituduh.**

**Dalam hal ini, saya tidak bercadang untuk mendedahkan maklumat lanjut berkenaan dengan perkara ini memandangkan ada diantara kes-kes ini masih lagi di dalam siasatan pihak polis dan ada sedang di dalam prosiding perbicaraan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mengenai andaian penyalahgunaan kuasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah berkaitan seksyen-seksyen yang terlibat pada undang-undang tersebut, ingin ditegaskan bahawa definisi yang jelas telah diberikan dalam pindaan kepada Kanun Keseksaan. Oleh itu, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dapat melaksanakan tugas berdasarkan undang-undang tersebut dengan lebih tepat manakala kes-kes yang terlibat akan tetap dibawa ke Mahkamah untuk dibicarakan.**

**Dalam apa cara sekalipun, tiada sebarang penyalahgunaan kuasa akan berlaku dan pembelaan serta hak kepada tertuduh adalah terjamin.**